

## **Rantain Nilai Global**

**oleh Dr Zulkipli Omar**

**Fello Penyelidik Kanan**

**Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)<sup>1</sup>**

Perdagangan antara bangsa kini menerapkan konsep rantaian nilai global (*global value chain* – GVC) di dalam keseluruhan aktiviti bermula dari peringkat rekacipta, pengeluaran sehinggalah ke peringkat pemasaran dan pengagihan kepada pengguna akhir. Ini bermakna pengenalan sesuatu produk sebagai buatan sesebuah negara menjadi semakin kabur di dalam konteks perdagangan antarabangsa sekarang. Sesuatu produk buatan Malaysia adalah merujuk kepada produk di dalam bentuk akhir yang digunakan oleh pengguna seperti peti televisyen yang dibuat di Malaysia. Namun proses pembuatannya, meliputi rekacipta, saringan bahan mentah serta bahan perantaraan dan lain-lain aktiviti mungkin melibatkan pelbagai negara.

Maka persoalannya, apakah kepentingan GVC kepada sesebuah negara perdagangan seperti Malaysia? Konsep GVC bermula dari barangan berjenama antarabangsa yang sudah berjaya meraih bahagian pasaran di merata negara di seluruh dunia. Barangan-barangan tersebut dikeluarkan oleh firma-firma gergasi antarabangsa. Untuk meningkatkan keuntungan atau meminimalkan kos, firma-firma tersebut melibatkan aktiviti-aktiviti merentasi sempadan antarabangsa sama ada dengan membuat pelaburan terus di negara-negara yang mempunyai kos yang lebih rendah atau menyaring bahan-bahan input dari negara-negara tersebut.

Di dalam konteks Malaysia, kita telah berjaya menarik banyak pelabur-pelabur antarabangsa untuk membuka kilang pengeluaran di Malaysia terutama di era 70an dan 80an. Penggalak utama kepada pelabur-pelabur antarabangsa ini termasuk kos bahan mentah dan buruh yang murah, kemudahan infrastruktur yang mencukupi, insentif yang

---

<sup>1</sup> Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

menarik serta kesetabilan politik. Kesannya, banyak firma-firma antarabangsa dengan produk berjenama dunia membuka kilang-kilang di Malaysia.

Dari perspektif pelabur, mereka mampu meningkatkan keuntungan melalui kaedah ini dengan peningkatan kecekapan proses pengeluaran. Manakala bagi negara tuan rumah, pelabur asing ini menyumbang kepada pendapatan negara dan peluang pekerjaan di dalam jangka masa pendek. Namun yang lebih penting untuk jangka panjang kita mengharapkan pemindahan teknologi yang maksima. Pemindahan teknologi membolehkan peningkatan nilai tambah dari proses pengeluaran. Nilai tambah yang tinggi ini pula membolehkan pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) yang tinggi dengan input yang sama.

Pemindahan teknologi dari pelaburan asing bukan sahaja tertumpu kepada teknologi proses, tetapi juga termasuk peningkatan kepakaran kepada modal insan. Sekiranya ini berlaku, maka kita akan mampu berterusan meningkatkan nilai tambah di dalam ekonomi. Sebaliknya, berterusan bergantung kepada bahan input dan buruh yang murah akan mendedahkan kita kepada persaingan yang getir dari negara-negara lain, terutamanya pendatang baru yang mempunyai kelebihan bandingan.

Penambahbaikan modal insan yang berlaku serentak dengan pelaburan modal fizikal bukan hanya penting untuk mengendalikan pelaburan semasa. Malahan yang lebih penting adalah untuk meraih keuntungan jangka panjang melalui peningkatan kreativiti dan keusahawanan para pekerja.

Kebolehan dan keupayaan modal insan merupakan unsur penting bukan sahaja untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, malahan ianya adalah kunci untuk kemampunan pertumbuhan ekonomi, seperti yang dipamerkan oleh negara Korea Selatan. Korea Selatan memberi keutamaan terhadap pelaburan di dalam modal insan di samping pelaburan yang tinggi di dalam penyelidikan dan pembangunan. Dengan ini mereka mampu bersaing di peringkat antara bangsa dengan lebih efektif.

Dalam konteks masa kini, kemampuan tenaga kerja negara adalah amat penting untuk menjana pertumbuhan ekonomi negara secara langsung melalui pelaburan yang berteknologi tinggi. Di samping itu, kemampuan tenaga kerja yang tinggi membolehkan

mereka menyokong pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat dengan mengambil bahagian di dalam pembangunan rantai industri.

Di peringkat awal pelaburan asing yang lebih tertumpu kepada teknologi rendah, pertumbuhan rantai industri tempatan yang berkaitan merupakan hasrat kerajaan untuk memastikan peningkatan terhadap nilai tambah. Pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan dilihat berkembang selari dengan pelaburan asing yang berteknologi tinggi.

Walau bagaimanapun, cabaran yang lebih penting dihadapi negara sekarang adalah supaya PKS tempatan mampu bersaing di peringkat antara bangsa untuk menjana pertumbuhan ekonomi. PKS tempatan mestilah mampu untuk menyumbang terhadap keperluan GVC. Ini bukan sahaja untuk menjamin kewujudan dan keuntungan PKS berkenaan, malahan ianya merupakan sumber pertumbuhan ekonomi negara.

Oleh yang demikian, kejayaan PKS tempatan bergantung kepada kebijaksanaan menilai keperluan GVC bukan hanya setakat melihat kepada keperluan rantai tempatan. Ini merupakan satu cabaran semasa yang tidak dapat dielakan. Walau bagaimanapun, kita mempunyai keupayaan modal insan yang mencukupi untuk menyahut cabaran ini. PKS tempatan mestilah lebih berani untuk mengambil bahagian di dalam GVC sama ada secara bersendirian atau melalui perkongsian pintar dengan PKS luar negara. Perlu diingat bahawa kita sekarang berada di dalam era persaingan terbuka. Sikap kebergantungan kepada sokongan kerajaan perlu dikikis. Sekarang adalah masa untuk negara menggembelng keupayaan tenaga kerja tempatan yang mempunyai kebolehan setanding dengan kebanyakan negara-negara maju. Ini adalah merupakan tiket terpenting untuk menjamin kemampuan pertumbuhan ekonomi untuk masa hadapan di dalam era keterbukaan persaingan antara bangsa.